

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Wang anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans Wang?

Insurans Wang memberikan perlindungan terhadap kehilangan wang anda semasa dalam transit dan semasa berada di premis.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RMxx.xx** [setahun] dan Jumlah Diinsuranskan **RMxx**, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
<p>Anda boleh memilih untuk menginsuranskan salah satu atau keduanya.</p> <ul style="list-style-type: none">Wang di Premis - kehilangan wang di dalam premis yang dinyatakan atau bagi wang yang disimpan dalam peti keselamatan berkunci, bilik kebal dan bekas simpanan lainWang Dalam Transit - kehilangan wang akibat kemusnahan sebenar, kehilangan atau pengambilan secara tidak sah semasa wang dibawa oleh kakitangan yang diberi kuasa. Anda perlu menilai amaun tertinggi bagi setiap kali pembawaan kerana ini mewakili had liabiliti bagi mana-mana satu kejadian.	<ul style="list-style-type: none">Sebarang tindakan keganasanPengecualian penyakit berjangkitPengecualian harta siber dan dataRisiko tenaga radioaktif dan nuklearHad dan pengecualian sekatanPerang, perang saudara, pencerobohan, pemberontakan tentera atau rakyat, pemberontakan, revolusiKehilangan mana-mana kenderaan yang tidak diawasiKerugian berbangkit dalam apa jua bentukKekurangan akibat kesilapan atau ketinggalan atau kesilapan perkeranian atau perakaunan

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM150.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM150.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM12.00
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM172.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM37.50
Nota:	
<ul style="list-style-type: none"> Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM100.00 	

4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak. Jumlah Diinsuranskan: Anda mesti memastikan polisi anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai. Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda. Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan. <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh pendek bagi tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang perlu dikekalkan oleh kami.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.
- Jadual Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans	Peratus Pulangan Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada pulangan premium